

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HIU 201 - Perluasan 'Aqidah Islamiyyah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahaigan A dan B.

Bahagian A dan B hendaklah dijawab dan diikat dalam kertas yang berasingan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Firman Allah Ta'ala, maksudnya:

"Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa mempersekutukan sesuatu dengan-Nya dan Dia mengampuni dosa-dosa yang lain daripada itu (syirik) bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa mempersekutukan sesuatu dengan Allah sesungguhnya ia telah melakukan suatu dosa yang besar".

(al-Nisa': 116)

Berdasarkan maksud ayat al-Qur'an di atas, bincangkan perkara-perkara berikut:

- (a) Maksud dengan "Syirik besar" (jali) dan "syirik Kecil" (khafi) dan cara-cara untuk membersihkan 'aqidah daripada syirik.
- (b) Gejala syirik di dalam kepercayaan dan amalan masyarakat Melayu.

2. Perkataan "kufur" digunakan di dalam al-Qur'an dan al-Hadith dengan pelbagai makna; di antaranya ialah kufur yang mengeluarkan seseorang daripada Millah Islamiyyah, namun kadang-kadang tidak dimaksudkan demikian. Bincangkan masalah ini dari sudut-sudut berikut:
 - (a) Kufur di sisi Allah dan kufur di sisi hukum Islam.
 - (b) Garis pemisah di antara iman dan kufur.

3. Polemik tentang "qada" dan "qadar" telah menimbulkan aliran-aliran pemikiran tertentu dalam sejarah perkembangan teologi Islam. Huraikan dengan jelas perkara-perkara berikut:
 - (a) Pengertian qada dan qadar sebagaimana yang difahami daripada ayat-ayat al-Qur'an yang tertentu.
 - (b) Hubungan qada dan qadar dengan perbuatan-perbuatan manusia.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Pengutusan Muhammad sebagai Rasul Allah mempunyai kesan penting kepada ajaran Islam.
 - (a) Berdasarkan bukti-bukti yang jelas, huraikan mesej kerasulan Muhammad terhadap aqidah dan syariat.
 - (b) Tunjukkan dengan jelas apakah unsur-unsur kekuatan kerasulan yang membolehkan rasul-rasul menyampaikan dan melaksanakan mesej pengutusan mereka.

5. Malaikat menjadi agen kebaikan, syaitan pula bertindak sebagai pemusnah kebaikan.
 - (a) Buktikan peranan dan pengaruh kedua-dua makhluk di atas terhadap kehidupan insan.
 - (b) Huraikan bagaimanakah kepercayaan kepada Malaikat boleh mengukuh dan meningkatkan keimanan seseorang?

6. Kepercayaan yang kukuh kepada Hari Akhirat dan kitab-kitab Allah menjadi rukun keimanan dan asas kepada kesejahteraan kehidupan.
 - (a) Bagaimanakah kepercayaan kepada dua rukun di atas dapat membantu meningkatkan kebaikan dan meminimakan kejahatan?
 - (b) Al-Qur'an merupakan kitab suci terakhir yang lengkap dan universal. Jelaskan hakikat ini berdasarkan kepada hujah-hujah yang kukuh.

-oooOOOooo-